

Bank komersial, Islam jadi ahli SIDREC

Berita Harian

Tuesday, September 6, 2016

Bank komersial dan bank Islam yang menawarkan perkhidmatan serta produk pasaran modal akan menjadi ahli Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC), berkuat kuasa semalam.

Itu adalah sebahagian usaha untuk meningkatkan pengatur-aturan bagi penyelesaian pertikaian kewangan di Malaysia, kata Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataan bersama, semalam.

Pengumuman itu susulan pindaan SC kepada Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010, katanya.

“Dengan pindaan itu, pelabur produk dan perkhidmatan pasaran modal yang ditawarkan oleh atau melalui bank perdagangan dan Islam yang dilesenkan BNM, kini mempunyai akses kepada perkhidmatan penyelesaian per-

tikaian melalui SIDREC,” kata SC dan BNM.

Sebelum ini, pelabur pasaran modal yang mempunyai pertikaian ketika berurusan dengan entiti di bawah bidang kuasa BNM dirujuk Biro Pengantaraan Kewangan (BPK).

SC dan BNM akan bekerjasama dengan SIDREC dan BPK bagi memastikan peralihan lancar bagi pihak bank dan pelabur.

Sehubungan itu, pelabur yang masih mempunyai kes dengan BPK tidak perlu mengemukakan semula tuntutan kepada SIDREC.

SIDREC adalah badan bebas ditubuhkan SC pada 2011 bagi penyelesaian pertikaian antara pelabur dan pengantara pasaran modal.

Penyelesaian tuntutan

Dengan kemasukan 43 bank komersial dan bank Islam itu, SIDREC kini mempunyai 191 ahli yang terdiri daripada broker

saham, broker derivatif, syarikat pengurusan unit amanah, pengurus dana, penyedia dan pengedar skim persaraan swasta.

Sebagai sebuah pusat sehati bagi penyelesaian tuntutan berhubung dengan produk dan perkhidmatan pasaran modal, SIDREC bermatlamat untuk memastikan pelabur mempunyai akses kepada saluran kepakaran bagi penyelesaian pertikaian yang bebas serta tidak berat sebelah.

Perkhidmatan SIDREC adalah percuma kepada pelabur dan mereka boleh memfailkan penyelesaian pertikaian dengan tuntutan sehingga RM250,000.

Itu juga menyediakan khidmat perantaraan bagi tuntutan melebihi RM250,000 yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Maklumat lanjut mengenai SIDREC boleh diperolehi dengan melayari sidrec.com.my.

BERNAMA

**Fakta
nombor**

191 AHLI

SIDREC terdiri daripada broker saham, broker derivatif, syarikat pengurusan unit amanah, pengurus dana, penyedia dan pengedar skim persaraan swasta